

QIYAS AL-SHABAH DAN APLIKASINYA DALAM SISTEM KEWANGAN ISLAM

AHMAD ZAKIRULLAH MOHAMED SHAARANI
IBFIM

RIDZWAN AHMAD
Universiti Malaya

ABSTRAK

Perkembangan pantas sistem kewangan Islam moden dengan pengenalan pelbagai produk kewangan dan perkhidmatan memerlukan cerdik pandai dalam bidang Syariah memahami proses pengeluaran hukum - Fiqh dan asasnya (*Usul al-Fiqh*). Salah satu konsep penting dalam pengajian *Usul al-Fiqh* ialah *Qiyas al-Shabah* – iaitu proses *qiyas* dimana sesuatu *furu'* itu dihubungkan dengan salah satu dari dua *asal* disebabkan ciri-ciri yang terdapat pada *furu'* itu lebih menyerupai salah satu dari

dua *asal* tersebut. Namun begitu, melihat kepada praktis semasa dalam proses pengeluaran hukum dalam kewangan Islam, hubungan antara *Usul al-Fiqh*-termasuklah *Qiyas al-Shabah*- dan Fiqh sudah tidak lagi berjalan sebagaimana sepatutnya. Justeru artikel ini cuba untuk melihat pandangan ulama tentang *Qiyas al-Shabah* dan aplikasi semasa *qiyas* jenis ini dalam produk, perkhidmatan dan instrumen-instrumen yang terdapat dalam sistem kewangan Islam semasa.

Kata kunci: *Qiyas al-shabah, illah, ijtihad, zakat*

QIYAS AL-SHABAH AND ITS APPLICATION IN ISLAMIC FINANCIAL SYSTEM

ABSTRACT

Rapid development of modern Islamic financial system with the introduction of various financial products and services require Shariah scholars to fully understand the process of deducing the hukum i.e. the Fiqh and its root (*Usul al-Fiqh*). One of the key concept in the *Usul al-Fiqh* is *Qiyas al-Shabah* – analogical process on the basis of attributes from several similar laws (*Asal*) which comes closest to the case in question (*furu'*). However, looking at the current practices of deducing hukum in Islamic finance, the connection between *Usul al-Fiqh* –

which includes *Qiyas al-Shabah*- and Fiqh no longer visible as it is supposed to be. Therefore, this article aims to examine the views of the Islamic jurists on the *Qiyas al-Shabah* and its application in products, services and instruments of the current Islamic finance.

Keywords: *Qiyas al-shabah, illah, ijtihad, zakat*

PENDAHULUAN

Qiyas merupakan salah satu metod pengeluaran hukum berdasarkan konsep persamaan antara dua perkara, baik persamaan pada sifat, keadaan, sebab, dan sebagainya. Metod ini berasaskan kepada pemakaian (*isbat*) hukum bagi perkara yang telah dimaklumi hukumnya (*Asal*) kepada perkara atau isu yang belum dimaklumi hukumnya (*furu'*) disebabkan wujudnya persamaan antara keduanya pada *'illah* atau sifat yang jelas serta konsisten (al-Shirazi, 1995; al-Isnawi, 1999; ibn al-Sam'ani, 1998).

Qiyas memainkan peranan yang sangat penting dalam pembinaan hukum-hukum Syarak di mana melalui *Qiyas* seseorang mujtahid bukan sahaja mampu memahami apakah maksud Syarak terhadap sesuatu hukum, bahkan dapat juga mengembangkan hukum-hukum sedia ada kepada isu-isu baru apabila ada persamaan antara keduanya pada *'illah* atau punca hukum (al-Ghazali, 1997; Isnawi, 1999; Al-Shirazi, 1995; al-Bannani, 1982; al-Amidi, 2003a).

Kepentingan *qiyas* dalam pembinaan hukum mampu dijelmakan apabila nas-nas al-Quran dan al-Sunnah yang secara zahirnya terhad lantas mewujudkan kekhilangan kepada para mujtahid dalam mendepani isu-isu semasa. Justeru itu para mujtahid tidak sewajarnya melihat al-Quran dan al-Sunnah secara tersurat sahaja bahkan melalui apa yang tersurat di setiap hukum yang disebutkan di dalamnya. Hal ini mampu dilaksanakan melalui sumber hukum lain, di antaranya termasuklah *qiyas*. Atas dasar inilah *qiyas* sangat dititik beratkan oleh para ulama *Usul al-Fiqh* dalam perbahasan mereka, bahkan dikatakan bahawa seseorang itu

tidak akan dapat mengelakkan dirinya dari *qiyas* (al-Zarkasyi, 1992).

Walaupun *Usul al-Fiqh* adalah ilmu yang membincangkan tentang proses *istinbat* hukum, dan ia merupakan satu keperluan bagi mereka yang terlibat dalam bidang pengeluaran hukum, namun melihat kepada keadaan semasa, penulis mendapati ilmu *Usul al-Fiqh* terutama dari segi penulisan agak kurang mendapat perhatian, apatah lagi dalam bidang pengeluaran hukum yang berkaitan kewangan Islam. Penulisan sedia ada lebih menekankan kepada perbincangan tentang hukum-hukum fiqh semasa tanpa mengkaitkannya dengan *Usul al-Fiqh*, sedangkan *Usul al-Fiqh* adalah asas kepada hukum. Melihat isu ini, penulis membawakan satu tajuk dalam ilmu *Usul al-Fiqh* yang dikira dapat membuka pintu perbincangan lanjut tentang *Usul al-Fiqh* iaitu *Qiyas al-Shabah*. Perbincangan akan memfokuskan kepada beberapa isu *muamalat* semasa dan penyelesaiannya dari kaca mata *Qiyas al-Shabah*, dan ini bagi membuktikan bahawa *Usul al-Fiqh* berperanan penting dalam penyelesaian hukum-hukum Syarak.

DEFINISI QIYAS AL-SHABAH

Qiyas al-Shabah didefinisikan oleh para ulama dengan beberapa definisi. Di antaranya ialah:

- “menghubungkan hukum *furu'* - isu yang belum disebutkan hukumnya - dengan hukum asal – isu yang telah disebutkan hukumnya - dengan penghubung yang lebih menyerupainya. (al-Shirazi, 1995).
- “menghubungkan satu *furu'* yang mempunyai persamaan dengan dua asal kepada asal yang paling hampir dan banyak persamaan (al-Amidi, 2003a).

Jelas di sini bahawa maksud *Qiyas al-Shabah* ialah menghubungkan *furu'* yang mempunyai persamaan di antara dua *asal* dengan *asal* yang paling banyak persamaan dengan *furu'* tersebut. Melihat kepada maksud *Qiyas al-Shabah* di atas, dapat difahami bahawa *Qiyas al-Shabah* adalah satu metod *qiyas* yang bukan melihat kepada kewujudan *'illah* sebagai penghubung antara *asal* dan *furu'*, tetapi melihat kepada kewujudan sifat-sifat yang lazim dan biasa ditemui (*lawazim*) pada sesuatu *'illah* dan berdasarkan kepada perkara ini, *Qiyas al-Shabah* juga sebenarnya mempunyai persamaan dengan *Qiyas al-Dalalah* iaitu sejenis *qiyas* iaitu penunjuk kepada hukum adalah sifat-sifat yang biasa ditemui pada sesuatu *asal* atau *'illah* hukum (al-Zarkasyi, 1992). Namun perkara yang membezakan antara keduanya ialah, *Qiyas al-Dalalah* tidak mempunyai persamaan antara dua *asal* manakala *Qiyas al-Shabah* mempunyai persamaan dengan dua *asal* namun hanya *asal* yang paling hampir atau yang paling banyak persamaan sahaja yang diambil kira berdasarkan pandangan seseorang mujtahid itu. Al-Shirazi (1995) berkata:

"la (qiyas al-Shabah) seperti furu' yang mempunyai persamaan dengan dua asal, salah satu asal tersebut mempunyai 3 persamaan (dengan furu') dari segi sifat, manakala yang satu lagi pula mempunyai 2 persamaan, maka furu' tersebut dihubungkan (dari segi hukum) dengan asal yang mempunyai paling lebih banyak persamaan dengannya (3 persamaan)"

Walaupun al-Shirazi tidak menyebutkan sama ada *Qiyas al-Shabah* termasuk dalam *Qiyas Jali* (qiyas yang mana *'illah* hukum padanya sangat jelas) mahupun *Qiyas Khafi* (qiyas yang mana *'illah* hukum padanya

agak kabur dan adanya beberapa *ihtimal*-kemungkinan), namun jika kita menerima bahawa *Qiyas al-Shabah* sebenarnya adalah salah satu dari jenis *Qiyas al-Dalalah*, maka *Qiyas al-Shabah* juga boleh dianggap sama ada sebahagian dari *Qiyas Jali* atau *Qiyas Khafi* bergantung sejauh mana terang dan jelasnya tanda kewujudan *'illah* hukum pada sesuatu *Qiyas al-Shabah* itu. Walau bagaimanapun, perlu ditekankan di sini bahawa ini tidaklah bermaksud menafikan pendapat al-Shirazi sendiri yang mengatakan bahawa *Qiyas al-Shabah* adalah qiyas yang tidak sah (Al-Shirazi, 1995).

Dari segi perbezaan diantara *Qiyas al-Shabah* dengan *Qiyas al-'Illah* pula, *Qiyas al-'Illah* bergantung kepada *'illah* sebagai penghubung diantara *asal* dan *furu'* manakala *Qiyas al-Shabah* pula bergantung kepada persamaan yang paling banyak - pada sifat-sifat yang wujud - antara dua *asal* sebagai penghubung diantara keduanya.

Perbezaan antara *'illah* dan *dalalah* ialah, *'illah* bermaksud sesuatu *makna* atau sifat yang memberi kesan kepada hukum, atau sesuatu yang membawa kepada kewujudan hukum (al-Ghazali, 1997; al-Shirazi, 1995), sedangkan *dalalah* bukan bergantung kepada kewujudan *makna* yang mana melaluinya wujudnya hukum, tetapi bergantung kepada tanda, iaitu tanda tentang kewujudan *'illah* hukum, dengan maksud apabila adanya tanda kewujudan *'illah* hukum maka ini menandakan wujudnya hukum. Antara tanda-tanda adanya *'illah* hukum ialah sifat *lawazim* iaitu ciri-ciri yang melazimi sesuatu perkara, seperti hukum *sujud tilawah* adalah tidak wajib kerana ia harus dilakukan ketika berada di atas tunggangan, dan sesuatu yang harus dibuat ketika berada di atas tunggangan maka ini merupakan ciri-ciri (*lawazim*)

sesuatu yang tidak wajib. Begitu juga tanda kewujudan *‘illah* hukum (*dalalah*) adalah dengan melihat kepada contoh yang sama dan sebanding dengan sesuatu *furu‘* itu, seperti wajibnya bayaran 1/10 ke atas tanaman yang dimiliki oleh kanak-kanak, maka wajib juga zakat ke atas hartanya, sama sahaja halnya seperti zakat ke atas harta orang dewasa (Al-Shirazi, 1995).

Dalam soal persamaan yang paling banyak ini, perbezaan pendapat pada penentuan hukum boleh terjadi apabila setiap mazhab mempunyai pandangan yang tersendiri dalam melihat manakah *asal* yang paling hampir dan paling banyak persamaan dengan sesuatu *furu‘* itu. Al-Zanjani (1982) ada menyebutkan bahawa:

“kedua belah pihak (al-Syafi’iyyah dan al-Hanafiyyah) telah bersepakat bahawa yang benar dalam ijtihad furu‘ di sisi Allah S.W.T. hanyalah satu. Ruang ijtihad hanya mencari yang paling menyerupai dan hampir kepada kebenaran dari pandangan kedua pihak. Adapun di sisi Allah S.W.T, tiada yang lebih menyerupai kerana penyerupaan itu adalah terjadi terhadap mereka yang jahil tentang perkara-perkara yang sebenar (sedangkan Allah S.W.T tidak begitu). Justeru apabila berlakunya dua persamaan terhadap sesuatu perkara dan peristiwa maka akan dicari mana yang paling hampir antara keduanya. Namun yang biasa terjadi ialah berlakunya perbezaan pendapat dalam penentuan yang paling hampir dan yang paling serupa kepada yang asal yang disepakati oleh kedua pihak yang berselisih pendapat tersebut”

Contoh *Qiyas al-Shabah* ialah hamba yang disamakan dengan barangan menurut pandangan mazhab al-Shafi‘e, dan manusia bagi pandangan mazhab Hanafi. Punca perselisihan pandangan ini adalah kerana melihat kepada ciri-ciri yang terdapat pada pada hamba itu sendiri sama ada lebih banyak menyerupai barang atau manusia. Bagi mazhab Shafi‘i, mereka berpandangan bahawa dari segi hukum, hamba lebih menyerupai barang dan bagi mazhab Hanafi, mereka berpandangan hamba lebih menyerupai manusia biasa. Kesan daripada khilaf dan perbezaan pendapat ini dapat dilihat dalam beberapa isu Syariah seperti penggantian (*Daman*), hudud dan sebagainya (al-Zarkasyi, 1992).

Sebahagian ulama *Usul al-Fiqh* tidak menyebutkan *Qiyas al-Shabah* sebagai sebahagian dari jenis-jenis qiyas, dan ini mungkin disebabkan *Qiyas al-Shabah* sebenarnya termasuk dalam *Qiyas al-Dalalah* sebagaimana yang telah disebutkan di atas dan ini adalah pendapat ibnu al-Baqilani dan lain-lain (Ibnu al-Muflih, t.t; al-Baji, 1995).

Sebahagian ulama seperti al-Amidi pula tidak menganggap bahawa *Qiyas al-Shabah* ini sebahagian dari jenis-jenis qiyas, tetapi beliau memasukkan *al-Shabah* sebagai pentarjih bagi salah satu dari *Masalik al-‘illah* - cara mengenal *‘illah* - iaitu *Munasabah*, (al-Amidi, 2003b). Beliau berpandangan bahawa *al-Shabah* atau persamaan itu sendiri bukanlah *‘illah* atau sifat yang boleh dijadikan asas kepada hukum bahkan *al-Shabah* itu sendiri sebenarnya ialah pentarjih kepada salah satu dari *‘illah* iaitu *Munasib* (*kemunasabahan*). Dengan kata lain, *Munasib* itu sendiri adalah *‘illah* manakala unsur persamaan (*shabah*) yang paling banyak

dianggap sebagai pentarjih. Contoh disini ialah hamba yang diqiaskan kepada barang, menurut pandangan ini, *‘illah* kepada *qiyas* hamba kepada barang ini ialah *al-Munasib* (kemunasabahan) manakala pentarjihnya adalah *al-Shabah* iaitu banyaknya persamaan diantara hamba dan barang.

Pandangan yang menolak kewujudan *Qiyas al-Shabah* sebagai salah satu dari jenis-jenis *qiyas* ini sebenarnya secara tidak langsung melenyapkan kewujudan *qiyas al-Shabah* sebagai salah satu jenis *qiyas* dan menjadikan *al-Shabah* hanyalah sebagai pentarjih kepada salah satu *‘illah* iaitu *al-Munasabah*. Dalam hal ini al-Amidi (2003b) menyatakan:

“dan ini (menyamakan hamba dengan manusia yang merdeka disebabkan banyaknya persamaan antara keduanya) bukanlah disebabkan oleh al-Shabah itu sendiri. Ini kerana kedua manat‘illah (pada manusia dan pada barangan) itu adalah Munasabah. Apa yang dinyatakan sebagai banyak persamaan itu walaupun memberi kesan kepada hukum namun ia hanyalah pentarjih bagi salah satu manat berbanding dengan manat yang lain, dan ini sama sekali tidak menjadikannya (al-Shabah) terkeluar dari ‘illah (Munasabah), walaupun ia memerlukan pentarjihan” (jil 3, 370).

Penulis berpandangan *Qiyas al-Shabah* sebenarnya adalah salah satu dari jenis *qiyas* dan termasuk dalam *Qiyas al-Dalalah*, kerana *Qiyas al-Shabah* ini mengambil kira *lawazim* (perkara-perkara yang lazim dan biasa ditemui) yang terdapat pada sesuatu *asal* itu dan ini adalah juga ciri-ciri *qiyas al-Dalalah*, namun yang membezakan antara keduanya ialah, dalam *Qiyas Dalalah*, *lawazim* wujud hanya pada satu

asal, sedangkan pada *Qiyas al-Shabah*, *lawazim* wujud pada dua *asal*, lantas menyebabkan perlunya dilakukan pemilihan terhadap salah satu *asal* yang mempunyai paling banyak persamaan dengan sesuatu *furu‘* itu berbanding *asal* yang lain.

KEHUJAHAN QIYAS AL-SHABAH

Para ulama Usul al-Fiqh telah berselisih pendapat tentang kehujahan *Qiyas al-Shabah* kepada dua pendapat iaitu pendapat yang menerima dan menolaknya.

- **Pendapat Pertama:** bahawa adalah *Qiyas al-Shabah* adalah hujah dan pendapat ini dipegang oleh kebanyakan ulama dari Malikiyyah dan Shafieyyah dan Hanabilah, dan dikatakan bahawa ini adalah pendapat Hanafiyyah dan kebanyakan para ulama.
- **Pendapat Kedua:** bahawa *Qiyas al-Shabah* bukan hujah dan ini disandarkan kepada kebanyakan mazhab Hanafiyyah, al-Baqilani, Abu Bakar al-Sairafi, Abu Ishaq al-Shirazi, juga satu riwayat dari Ahmad, dan ini juga pendapat yang dipilih oleh Qadhi Abu Ya‘la. (Al-Mardhawi, t.t, al-Ji‘i, 2000).

Namun pendapat yang menerimanya adalah lebih kuat berdasarkan dalil-dalil yang menunjukkan kehujahan *Qiyas al-Shabah*, antaranya:

1) Hadis:

“Dari Ibnu ‘Abbas RA bahawa seorang perempuan dari Juhaynah bertanya kepada Rasulullah “Wahai Rasulullah SAW, ibuku telah bernazar untuk mengerjakan haji tetapi beliau tidak dapat mengerjakan haji sehingga beliau meninggal, maka bolehkah aku mengerjakan haji baginya? Lalu

baginda SAW menjawab: Ya, kerjakanlah haji bagi pihaknya, apa pandanganmu jika ke atas ibumu ada hutang adakah engkau akan bayar-kannya? Maka bayarlah hutang Allah kerana hutang Allah itu lebih berhak untuk dibayar"

(Ibnu Hajar Al-'Asqalani, 2001, no. hadis: 1807, 4, 77).

Jelas di sini bahawa ibadat haji yang tidak disempurnakan itu adalah hutang yang mesti dilangsaikan, kerana diqiyaskan dengan hutang manusia di mana sebagai-mana hutang sesama manusia itu tidak akan gugur kecuali dengan dilangsaikan maka begitu juga hutang dengan Allah S.W.T, bahkan hutang dengan Allah S.W.T lebih patut dilangsaikan dan ini menunjukkan pengeluaran hukum berdasarkan persamaan itu diterima pakai dalam Syariah.

2) *Qiyas al-Shabah* juga merupakan amalan para sahabat, sebagaimana Khalifah Abu Bakar RA telah memerangi golongan yang enggan membayar zakat dengan katanya:

"Demi Allah aku akan memerangi golongan yang membezakan antara solat dengan zakat..."

(Ibnu Hajar Al-'Asqalani, no. hadis: 1368, 3: 308).

Ijtihad Abu Bakar ini adalah berdasarkan bahawa zakat itu menyerupai solat dari sudut bahawa kedua-duanya adalah kewajipan yang mesti ditunaikan dan mereka yang meninggalkan zakat adalah seperti mereka yang meninggalkan solat, walaupun Sayyidina Umar berhujah bahawa mereka itu masih lagi beriman (berbanding dengan golongan Arab lain yang murtad). (Ibnu Hajar Al-'Asqalani, no. hadis: 1368, 3: 309). Di sini jelas menunjukkan bahawa *Qiyas al-Shabah* itu diterima pakai oleh para Sahabat.

3) Selain itu juga *Qiyas al-Syabah* memberi maksud *zan* atau sangkaan tentang wujudnya hukum dan ianya juga wujud dalam *Qiyas-ʿIllah*. Apabila *Qiyas-ʿIllah* telah diterima sebagai hujah sekalipun ia memberi maksud *zan* tentang kewujudan hukum maka *Qiyas al-Syabah* juga sewajarnya diterima kerana ia memberi maksud yang sama. Dalam hal ini Abu Walid al-Baji (1995) menyatakan:

"Qiyas al-ʿIllah dan Qiyas al-Shabah mempunyai maksud yang sama.

Perbezaan antara keduanya ialah hukum pada Qiyas al-ʿIllah terikat dengan ʿIllah manakala Qiyas al-Shabah terikat dengan alamat dan tanda"

(2, 636).

APLIKASI QIYAS AL-SHABAH DALAM PERSOALAN MUALAMAT SEMASA

Dalam konteks kewangan Islam moden, *Qiyas al-Shabah* berperanan dalam proses pengeluaran hukum di mana *Qiyas al-Shabah* boleh diaplikasikan terutama apabila berhadapan dengan isu-isu semasa. Ini kerana *Qiyas al-Shabah* mempunyai keistimewaan yang tersendiri disebabkan ia melihat kepada persamaan dan *lawazim* sesuatu produk atau instrumen dari beberapa sudut dan aspek. Persamaan tersebut boleh disuaipadankan dengan konsep-konsep dan transaksi yang telah wujud dalam sistem kewangan Islam iaitu jika sesuatu konsep itu mempunyai lebih persamaan dengan konsep-konsep yang wujud dalam sistem kewangan Islam maka produk tersebut dihukumkan sebagai produk yang halal, dan sebaliknya jika yang lebih ketara adalah ciri-ciri konvensional yang bertentangan dengan Syariah maka dihukumkannya sebagai produk yang tidak patuh Syariah.

Atas dasar ini juga, dari satu sudut *Qiyas al-Shabah* mempunyai persamaan dengan proses *Takyif al-Fiqhi* terutama dalam aspek mencari *'illah* sesuatu hukum itu, iaitu keduanya bergantung dengan persamaan, melainkan *Takyif Fiqhi* lebih umum dan tidak hanya terhenti kepada *'illah* semata-mata, bahkan lebih melihat kepada analisa tentang sesuatu isu itu dari sudut Syariah, dan mengetahui niat dan tujuan pihak-pihak yang terlibat, dan mengetahui makna kaedah-kaedah umum yang berkaitan, dengan tujuan untuk menetapkan hukum bersesuaian (ke atas sesuatu konsep atau produk), dan ini selari dengan definisi *Takyif al-Fiqhi* iaitu:

“menganalisa sesuatu isu semasa untuk dihubungkannya dengan sesuatu asal fiqhi, dengan niat untuk memberikan sifat-sifat fiqhi tersebut kepada isu-isu semasa (yang berkaitan) jika jelas adanya persamaan dan jenis yang sama diantara yang asal dan isu semasa dari segi hakikat”

(Muhammad Usman Syabir, t.t.).

Contoh Aplikasi *Qiyas al-Shabah* dalam Persoalan Mualamat Semasa

Zakat Perhiasan (Emas dan Perak)

Sebagaimana yang dimaklumi, dalam soal zakat, Islam telah mewajibkan zakat ke atas beberapa jenis harta dan antaranya ialah emas dan perak apabila telah mencukupi nisab dan haul (Al-Bukhari, hadis no: 1459).

Bagi perhiasan wanita yang diperbuat dari emas dan perak (*al-Hulliy*), para ulama` berselisih pendapat tentang kewajipan zakat ke atas keduanya. Sebahagian mereka mengatakan wajib zakat ke atas perhiasan wanita yang dibuat dari emas dan perak dan sebahagiannya pula mengatakan tidak (al-Shirazi, 1996; al-Mawardi, 1994).

***Al-Shabah* (Persamaan) dalam Perhiasan yang Diperbuat dari Emas dan Perak**

Sebahagian ulama berpendapat bahawa emas dan perak dikenakan zakat secara mutlak sama ada ia digunakan sebagai perhiasan ataupun tidak. Ini kerana barangan perhiasan tersebut diperbuat dari emas dan perak, justeru ia tertakluk kepada keumuman kewajipan zakat ke atas emas dan perak. Golongan ini bersandarkan kepada persamaan dari segi fizikalnya iaitu ianya diperbuat dari emas dan perak tanpa melihat adakah barang tersebut adalah barangan kegunaan atau tidak. Bagi mereka, emas perhiasan adalah sama seperti emas jongkong dan matawang (*al-Nuqud*) justeru tertakluk kepada keumuman hukum zakat.

Sebahagian pandangan lain pula berpendapat bahawa tidak dikenakan zakat ke atas barang perhiasan yang diperbuat dari emas dan perak dan golongan kedua ini lebih melihat kepada persamaan dari sudut ia adalah barang perhiasan yang digunakan pakai, sama seperti barang kegunaan lain yang tidak dikenakan zakat jika ia menjadi barang kegunaan (Ibn Rushd, 1982; al-Nawawi, t.t; al-Mawardi, 1994). Namun jika dimiliki dalam jumlah yang banyak (berdasarkan uruf di Selangor sebanyak 800 gram) maka barulah dikenakan zakat: zakat emas perak. Punca perselisihan pendapat ini selain dari disebabkan wujudnya beberapa hadis dan *athar* sahabat yang dikira bertentangan dari segi zahirnya, ianya juga disebabkan barangan perhiasan ini sendiri mempunyai dua unsur persamaan (*shabah*) iaitu persamaan diantara emas/perak (dikenakan zakat) dan barang kegunaan (tidak dikenakan zakat).

Pendapat yang tepat ialah tidak dikenakan zakat ke atas perhiasan yang dibuat dari emas dan perak, dan ini berdasarkan:

- Hadis riwayat Jabir: “*Tidak dikenakan zakat pada barangan perhiasan* (Darul Qutni, 2001; al-Baihaqi, 1991). Hadis ini diriwayatkan oleh Darul al-Qutni, dan menurut beliau hadis ini adalah hadis marfu’, juga ianya diriwayatkan oleh al-Baihaqi namun beliau mengkategorikan hadis ini sebagai hadis mauquf dan beliau berkata: “*tiada asal baginya, hanya ia diriwayatkan berdasarkan kata-kata Jabir sendiri*”. Namun al-Baihaqi juga menyebutkan amalan para sahabat yang tidak membayar zakat bagi barang perhiasan sebagaimana yang beliau sebutkan dalam hadis 8276, 8277, 8278 (al-Baihaqi, 1991, hadis no: 8405, 6:144; Darul Qutni, (2001), no. hadis 4/1931, 2, 276).
- Perhiasan yang dibuat dari emas dan perak adalah dikira sebagai barang kegunaan. Ciri dan sifat kegunaan ini dianggap sebagai *shabah* (keserupaan/persamaan) yang menyebabkan zakat tidak perlu dikenakan. Ini kerana kegunaan barang perhiasan tersebut dianggap sebagai satu keperluan manakala zakat bagi emas dan perak pula melambangkan pemilikan kekayaan. Walau bagaimanapun jika ciri kekayaan lebih menonjol seperti diguna dan disimpan melebihi dari kadar uruf semasa maka ia dikenakan zakat.

Binatang yang Tidak Diketahui Halal atau Haram

Dalam isu pemakanan yang halal, Islam telah meletakkan beberapa garis panduan dalam menentukan manakah binatang-binatang yang halal dimakan dan yang sebaliknya.

Al-Shabah (Persamaan) dalam Binatang yang Tidak Diketahui Hukumnya

Bagi binatang yang tidak diketahui hukum-

nya, maka berdasarkan *Qiyas al-Shabah*, apa yang akan diambil kira adalah persamaan, di mana jika sesuatu binatang itu menyamai mana-mana binatang yang halal dimakan maka dikira halal, dan sebaliknya pula jika menyerupai mana-mana binatang yang haram dimakan maka hukumnya adalah haram dan mana-mana binatang yang mempunyai persamaan antara binatang yang halal dan haram maka akan dilihat yang manakah lebih menonjol ciri-cirinya. Apa yang diambil kira dari segi persamaan binatang ini ialah sama ada pada rupa paras, atau sama ada ia dikira haiwan ganas atau tidak, atau dari segi rasa dagingnya (al-‘Aziz, 1997; al-Nawawi, t.t). Disinilah jelas *Qiyas al-Shabah* memainkan peranan iaitu jika sesuatu binatang tersebut mempunyai ciri persamaan yang paling banyak dengan mana-mana binatang, baik persamaan dari segi fizikal, tabiat pemakanan dan sebagainya maka binatang tersebut akan dihukumkan sama dengan binatang yang mempunyai paling banyak persamaan dengannya. Dan disini jugalah berkemungkinan akan banyak berlaku perbezaan pendapat dalam melihat manakah persamaan yang paling banyak dan paling hampir.

Namun jika tiada persamaan pada mana-mana binatang yang telah diketahui hukumnya atau persamaan antara binatang yang halal dan binatang yang haram adalah sama banyak maka padanya ada dua pendapat iaitu halal dan haram, dan pendapat yang *Asah* ialah binatang tersebut dikira sebagai halal (al-Shirazi, 1992; al-Nawawi, t.t).

Zakat Tanaman

Zakat *Sultu*; iaitu satu tumbuhan yang menyerupai gandum dari segi rupa bentuknya, dan menyerupai barli dari segi isi, kerana ia juga sejenis tanaman daripada

keluarga barli. *Sultu* terdapat di sesetengah tempat di tanah Arab (Al-Isnawi, 2004). Dalam soal zakat, adakah *Sultu* akan mengikut timbangan barli atau gandum?

Al-Shabah (persamaan) dalam Zakat Tanaman

Para ulama` telah berselisih pendapat tentang zakat *Sultu* ini di mana sebahagian mereka mengatakan bahawa ia mengikut timbangan zakat gandum kerana melihat kepada bentuk zahirnya, dan sebahagian melihat kepada isinya, namun menurut pendapat yang sah ialah *Sultu* adalah jenis tanaman yang lain (al-Isnawi, 2004).

Zakat Saham Syarikat Senaraian Awam

Syarikat Senaraian Awam (Public Listed Company) atau syarikat milik awam ialah syarikat yang disenaraikan di bursa Malaysia (atau mana-mana bursa di dunia) yang mana sahamnya diperniagakan secara harian kepada orang awam.

Isu Syariah disini ialah adakah saham yang diperdagangkan di bursa-bursa saham dari segi zakatnya dianggap sebagai sebagai barangan yang diniagakan justeru ia tertakluk kepada hukum zakat barang perniagaan (*‘urud al-Tijarah*) atau saham tersebut dianggap sebagai pegangan ke atas sesuatu aktiviti yang menjana keuntungan justeru ia tertakluk kepada hukum zakat *al-Mustaghallat* – iaitu harta yang tidak dikenakan zakat pada ainnya, dan ia tidak dijadikan sebagai barang dagangan, tetapi ia dijadikan sebagai alat untuk menjana keuntungan dan dividen (Al-Qardawi, 2001).

Contoh *al-Mustaghallat* ialah rumah sewa. Zakat tidak dikenakan ke atas rumah tersebut atau nilainya tetapi dikenakan ke

atas hasilnya, juga seperti teks sewa, zakat *al-Mustaghallat* dikenakan ke atas hasil sewaan sahaja dan tidak ke atas nilai teks, begitu juga syarikat perniagaan, zakat tidak dikenakan ke atas harta-harta yang diguna untuk menjalankan perniagaan seperti komputer, kenderaan dan sebagainya tetapi ianya hanya dikenakan ke atas barang dagangan (stok), tunai dan lain-lain aset yang tertakluk kepada hukum zakat sahaja.

Perlu ditekankan disini bahawa dalam soal zakat barang perniagaan, hanya barang perniagaan sahaja yang dikenakan zakat dan ini bersesuaian maksud hadis:

“Bahawasanya Rasulullah SAW memerintahkan kami supaya kami mengeluarkan zakat dari barangan yang disediakan untuk diperniagakan.”
(Abu Daud, 2009, hadis 1562).

Begitu juga hadis:

“Tidak wajib zakat ke atas orang Islam itu hamba dan kuda yang mereka miliki”
(Ibn Daqiq al-‘Aid, t.t, hadis 172, 1, 267; al-Sharbini, 1997; Khin, Bugho, Ali Sharbaji, 2009).

Persamaan dalam Zakat Saham Senaraian Awam antara ‘Urud Tijarah dan Pegangan dalam Syarikat

Dari satu sudut, oleh kerana ia dinamakan sebagai saham, maka ia dikira sebagai pegangan dalam sesuatu syarikat dan aktiviti perniagaan, apatah lagi pemegangnya juga adalah dikira sebagai sebahagian dari pemilik bersama syarikat tersebut, dan pegangan ini memberikan hak pengundian, mendapat dividen dan sebagainya justeru dari sudut ini saham tertakluk kepada zakat *al-Mustaghallat*.

Namun dari sudut yang lain pula, saham ini diperdagangkan seperti barangan dagangan, bahkan sebahagian pelabur membelinya bukan untuk berkongsi keuntungan dan dividen yang dijana oleh syarikat tetapi lebih kepada keuntungan dari segi kenaikan harga saham atau *capital gain* dan jika dilihat dari sudut ini pula saham itu sendiri dianggap sebagai barang perniagaan (*Urud Tijarah*).

Berdasarkan persamaan-persamaan di atas, dalam konteks zakat, adakah saham-saham yang diperdagangkan ini tertakluk kepada hukum barang perniagaan yang dikenakan zakat ke atas nilai semasa saham tersebut, atau ia tertakluk kepada zakat *al-Mustaghallat* dimana zakat dikenakan hanya ke atas keuntungan (dividen) dan aset-aset yang dikenakan zakat (*zakatable asset*) yang wujud dalam sesebuah syarikat senaraian awam itu sahaja?

Untuk memudahkan isu ini difahami, Ali memiliki saham syarikat senaraian awam sebagai contoh. Dari segi zakat yang perlu beliau bayar, adakah Ali perlu mengira harta-harta yang dikenakan zakat pada setiap syarikat-syarikat yang dia miliki, kemudian dibuat tolakan terhadap hutang dan sebagainya (*adjustment*) dan sesudah itu barulah dikeluarkan zakat, atau adakah beliau perlu mengira sahaja saham-saham tersebut sebagai barang perniagaan lalu dikeluarkan zakat dari nilai saham tersebut (sesudah sempurna pemilikan setahun –haul– dan nisabnya)?

Ulama telah berbeza pendapat tentang isu ini kepada beberapa pendapat, lantaran saham mempunyai dua ciri sebagaimana yang disebutkan di atas (al-Qardawi, 2010; Raafat Usman, 2001).

Penulis berpendapat bahawa zakat bergantung kepada niat seseorang itu membeli saham sama ada bertujuan untuk mendapatkan dividen atau untuk diperdagangkan. Jika ia dibeli untuk mendapatkan dividen sebagai contoh, maka zakat yang dikenakan ialah zakat terhadap syarikat perniagaan iaitu perlu diambil kira harta-harta yang dikenakan zakat dalam syarikat tersebut (*zakatable asset*), dan dibuat tolakan hutang dan sebagainya kemudian barulah dikeluarkan zakat. Adapun jika niat seseorang itu membeli saham untuk tujuan diperdagangkan jika wujud kenaikan harga (*capital gain*) maka keseluruhan nilai saham tersebut perlu dizakatkan, ini kerana saham dianggap sebagai barang dagangan. Pendapat ini dikira sebagai bersesuaian dengan tujuan ianya diniagakan di bursa, dan ini juga adalah pendapat Majma' Fiqhi al-Islami: keputusan zakat saham. (Islamic Fiqh Academy, 10 Oktober 2015).

Adapun bagi situasi jika seseorang itu membeli saham untuk niat mendapat keuntungan sahaja tanpa mengkhususkan sama ada untuk mendapatkan dividen atau untuk menjual jika wujud kenaikan harga, maka penulis berpendapat bahawa saham akan dikira berdasarkan sebagai zakat *Mustaghallat*, ini berdasarkan *Qiyas al-Shabah* iaitu saham pada asalnya adalah untuk mendapatkan dividen, apatah lagi ciri ini lebih menonjol dalam saham berbanding dengan ianya dikira sebagai barang perniagaan (*Urud Tijarah*).

5) Akaun Pelaburan Sama Ada Dianggap Sebagai Tunai/Hutang atau Pelaburan

Akaun Pelaburan Khusus (Special Investment Account - SIA) dan Akaun Pelaburan Umum (General Investment Account - GIA) merujuk pada sejumlah wang yang di-

depositkan kepada bank sebagai pelaburan, dan keuntungan (jika ada) akan dibayar pada setiap tarikh bayaran keuntungan sebagaimana yang dipersetujui bersama (Bank Islam, 2016).

Isu disini ialah bolehkah akaun pelaburan (GIA atau SIA) dijadikan sebagai aset pendasar untuk sesuatu transaksi yang membabitkan hutang seperti transaksi *‘Inah* - iaitu satu transaksi di mana seorang menjual sesuatu barang kepada orang lain secara tangguh kemudian membeli semula dari pembeli yang sama secara tunai, atau sebaliknya dan *Inah* juga boleh berlaku pada sewaan di mana seseorang menyewakan secara tangguh kemudian sewakan semula kepada pemilik secara tangguh - atau sebaliknya, dengan tujuan untuk mendapatkan tunai - atau *Tawarruq* - iaitu satu transaksi dimana pembeli akan membeli sesuatu barang dengan tujuan untuk menjualnya kepada pihak lain untuk mendapatkan tunai” (AAOIFI, *Ma‘ayir al-Shariyyah* (30), 492).

Al-Shabah (persamaan) dalam Akaun Pelaburan

Dari segi persamaan (*Syabah*), akaun pelaburan ini mempunyai persamaan antara tunai (hutang), dan aset/pemilikan dalam sesuatu pelaburan. Ia dianggap tunai di mana akaun pelaburan adalah wang simpanan yang boleh dikeluarkan pada bila-bila masa (on demand). Bagi pihak bank pula, ia adalah hutang atau liabiliti ke atas bank: bank deposit (Investopedia, 2015). Ini menunjukkan bahawa akaun pelaburan dari satu sudut dianggap sebagai tunai. Kesannya jika ia dianggap sebagai tunai ialah, ia akan di-kira sebagai barangan *ribawi* dan sebagaimana yang dimaklumi, Syariah telah meletakkan garis panduan tertentu dalam

soal pertukaran (jual beli) barangan *ribawi*, antaranya ialah jika sesuatu barang *ribawi* itu membabitkan pertukaran sesama jenis seperti pertukaran antara RM dan RM maka mestilah sama unit atau sama bilangan, juga mestilah diserahkan keduanya secara tunai tanpa adanya penangguhan (*taqabud*), sementara jika ia membabitkan pertukaran yang berbeza jenis namun termasuk dalam kategori yang sama seperti pertukaran antara RM dan USD maka ia mestilah diserahkan secara tunai (al-Bugho, al-Khin, ‘Ali Sharbaji, 2009).

Namun dalam masa yang sama akaun pelaburan juga adalah dianggap aset atau pemilikan dalam sesuatu aktiviti pelaburan, dan sebagaimana dimaklumi, aset bagi sesuatu pelaburan boleh dijual beli berdasarkan harga yang disepakati oleh kedua belah pihak tanpa perlu mengikut hukum bertransaksi dengan barangan *ribawi* (Al-Shafie, 2001).

Berdasarkan pemerhatian, terdapat dua pandangan pengamal kewangan Islam iaitu mereka yang mengharuskannya dijadikan sebagai aset pendasar untuk transaksi *‘Inah*, disamping terdapat juga mereka yang menolaknya dan perbezaan pendapat ini wujud kerana terdapat beberapa persamaan pada akaun-akaun pelaburan GIA dan SIA sebagaimana yang telah disebutkan di atas.

Walaupun begitu, perlu ditekankan disini bahawa secara asalnya apa juga pegangan dalam sesuatu perniagaan termasuklah GIA dan SIA boleh dijadikan sebagai aset pendasar bagi transaksi-transaksi *‘Inah* dan *Tawarruq* selama mana aset pendasar yang diwakili oleh sesuatu pegangan itu adalah bukan barangan *ribawi*.

Adapun jika keduanya terdiri dari barangan *ribawi* atau termasuk sebahagian dari saham bank yang menawarkan produk GIA dan SIA tersebut maka pendapat yang tepat ialah GIA dan SIA adalah aset yang tidak boleh diniagakan kecuali mengikut hukum bertransaksi dengan barangan *ribawi*. Ini kerana aktiviti teras bagi akaun-akaun ini ialah terlibat dalam urus niaga yang membabitkan barangan *ribawi* justeru ia dikira sebagai barang *ribawi* juga.

Ini juga adalah pendapat yang dipegang oleh badan penasihat dan pengawasan Syariah luar seperti FTSE, DJII dan lain-lain dalam menentukan sama ada sesebuah syarikat itu patuh Syariah atau tidak. Mereka melihat kepada aktiviti dan aset sesebuah syarikat itu sama ada aktiviti utamanya adalah membabitkan barangan *ribawi* seperti industri perbankan, atau syarikat-syarikat yang mempunyai tunai atau hutang (receivable) yang tinggi atau tidak. Mana-mana syarikat yang mempunyai kadar tunai atau hutang (receivables) melebihi kadar yang ditetapkan (tolerable benchmark) maka saham syarikat tersebut tidak akan dimasukkan dalam senarai saham patuh Syariah: FTSE Global Shariah Index (FTSE, 2015; Dow Jones Islamic Indexes, 2015).

Bai Dayn

Bai Dayn bermaksud jual beli hutang yang terhasil dari aqad-aqad pertukaran seperti jual beli secara tangguh, sewa secara tangguh dan sebagainya (Security Commission, 2006). Dari segi Syariah, dibenarkan jual beli hutang dengan beberapa syarat tertentu (Al-Shirazi, 1992; Taqi Uthmani, 2014).

Antara produk kewangan Islam semasa yang menggunakan konsep *Bai' al-Dayn*

ialah *Factoring-i*, *NIDC*, Produk-produk untuk *Islamic trade finance* seperti *Islamic Accepted Bill-sale*, *Banker Acceptance*, Pembiayaan dalam bentuk *working capital*, penerbitan sukuk berbentuk hutang, PDS (Private Debt Securities) dan lain-lain instrumen yang berkaitan penjualan sijil hutang kepada pihak ketiga dan bukan pemberi hutang.

Al-Shabah (Persamaan) dalam al-Dayn (Hutang)

Dari segi persamaan, hutang kewangan (hutang yang perlu dibayar menggunakan matawang/tunai) adalah dianggap sebagai tunai atau matawang itu sendiri. Ini kerana hutang terhasil dari transaksi yang membabitkan pembayaran bertangguh yang menggunakan mata wang, dan matawang dalam sistem kewangan Islam adalah termasuk dalam barangan *ribawi* dan sebarang transaksi pertukaran yang membabitkan barangan *ribawi* terutama yang sama jenis maka mesti mematuhi kehendak Syariah berkenaan dengannya.

Namun dalam masa yang sama hutang juga boleh dikira sebagai aset atau barangan biasa yang tidak mencukupi syarat sebagai barangan *ribawi* (Security Commission, 2006) Ini kerana sesuatu barang itu tidak dikira sebagai matawang (legal tender) dan seterusnya tidak menjadi barang *ribawi* kecuali ianya diterima oleh sistem perundangan sesebuah negara itu. Dalam sistem kewangan moden, penssekuritan hutang (receivable) menjadikan hutang bukan lagi sebagai matawang, walaupun hutang tersebut mungkin boleh diterima dalam sesetengah transaksi sebagai medium pembayaran: legal tender (Wikipedia, 2015; Investopedia, 2015).

Dalam soal keharusan jual beli hutang ini:

- Sebahagian besar ulama berpendapat bahawa hutang kewangan adalah barang *ribawi*, lantas hukum bertransaksi ke atas barang *ribawi* juga adalah terpakai. Justeru, selain dari tidak dibenarkan adanya penangguhan ia juga mestilah sama timbangan dan unit (*at par*) dan tidak dibenarkan adanya diskaun pada harga (*discount*) jika ia ditukarkan dengan jenis yang sama (Al-Nawawi, t.t). Kata al-Nawawi; “Kemudian perlu diperhatikan, jika ditukar dengan yang sama dengannya dari segi jenis ‘illah *riba* seperti dinar ditukar dengan dirham maka disyaratkan padanya *qabd* (penerimaan) pertukaran pada ketika majlis, begitu juga jika ditukar hutang gandum dengan barli (perlu diserahkan segera) jika kita membenarkan yang demikian itu” (9, 331).

Ini juga adalah pandangan AAOIFI (2007) dan Majma^ʿ Fiqhi al-Islami: *Bai^ʿ al-Taqsit* (Islamic Fiqh Academy, 2015).

- Sebahagian ulama pula melihat bahawa hutang bukanlah barangan *ribawi* tetapi merupakan barangan yang mewakili hak oleh pemiutang ke atas penghutang, dan hutang boleh dijual beli seperti barangan biasa berdasarkan harga yang disepakati oleh kedua belah pihak tanpa perlu patuh kepada hukum pertukaran yang membabitkan barangan *ribawi*. Menurut pandangan ini, tidak menjadi masalah bagi pertukaran hutang kewangan untuk dijual beli dengan harga diskaun (Security Commission, 2006; Bank Negara Malaysia, 2010) seperti menjual hutang yang bernilai RM1000 dengan tunai RM950.

Namun bagi pandangan kedua ini, *Bai^ʿ Dayn* mestilah dibeli secara tunai dan tidak dibenarkan dibeli secara bertangguh, dan ini bukanlah kerana isu *riba* tetapi isu larangan hadis terhadap penangguhan kedua-dua medium pertukaran iaitu barang jualan dan pembayaran di mana ini dikira termasuk dibawah larangan jual beli *Kali bil Kali – jual beli hutang secara berhutang* (al-Baihaqi, 2003, hadis no: 10316).

Pandangan yang paling tepat dalam isu ini ialah hutang adalah termasuk dalam barangan *ribawi* kerana banyaknya persamaan yang wujud diantara hutang (*receivable*) dan tunai, justeru hukum berjual beli dengannya mestilah mengikut kaedah jual beli barangan *ribawi* dan jika tidak kedua pihak akan terlibat dengan transaksi *riba*. Ianya juga adalah keputusan majoriti ulama termasuklah AAOIFI (2007) dan Majma^ʿ Fiqhi Islami al-Dawli: *Bai^ʿ al-Taqsit* (Islamic Fiqh Academy, 2015).

Bai^ʿ al-Wafa^ʿ

Bai^ʿ al-Wafa^ʿ atau dikenali juga dengan *Bai^ʿ al-^ʿUhdah* merujuk kepada jual beli yang memberi hak kepada penjual untuk menebus semula barangan yang dijual dengan persetujuan pembeli. (Alwi, t.t; al-Dimasyqi, t.t).

Al-Shabah (Persamaan) Dalam Bai^ʿ al-Wafa^ʿ

Dari segi persamaan (*shabah*), terdapat persamaan pada *Bai^ʿ al-Wafa^ʿ* antara jual beli dan gadaian (*rahn*). *Bai^ʿ al-Wafa^ʿ* menyerupai jual beli kerana adanya perpindahan hak milik barang dan bayaran/harga. Juga pembeli boleh menggunakan barang yang dibelinya melalui *Bai^ʿ al-Wafa^ʿ* ini sebagaimana yang dikehendakinya. Begitu juga melalui jual beli ini bayaran telah menjadi hak milik penjual dan dia

boleh gunakannya sebagaimana yang dingininya.

Namun dari sudut lain pula, *Bai' al-Wafa'* menyerupai gadaian di mana jika penjual dapat menebus kembali (memulangkan semula harga jualan) maka barang akan dipulangkan semula kepada beliau. Bahkan diletakkan pula syarat dalam jual beli ini bahawa pembeli tidak boleh menjual kepada pihak lain tanpa adanya persetujuan dari penjual.

Para ulama berselisih pendapat tentang keharusan *Bai' al-Wafa'*:

- Kebanyakan ulama berpendapat bahawa *Bai' al-Wafa'* adalah jual beli yang haram.
- Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia memutuskan bahawa *Bai' al-Wafa'* adalah dibenarkan untuk tujuan penerbitan produk pasaran modal Islam (Securities Commission, 2006).

Pendapat yang tepat ialah *Bai' al-Wafa'* adalah sejenis jual beli yang tidak dibenarkan kerana:

1. menyerupai (*syabah*) pinjaman yang memberi manfaat kepada pemberi pinjam.
2. adanya pensyaratan yang bertentangan dengan *muqtada 'aqad* (al-Shirazi, 1992) iaitu adanya pensyaratan bahawa aset tidak boleh dijual kepada pihak lain, bahkan ianya perlu dipulangkan kepada penjual jika penjual dapat menebus dan membayar kembali jumlah harga jualan.
3. boleh menzalimi pihak penjual pertama di mana barang yang dijual adalah jauh lebih rendah dari harga sebenar.

Ini juga keputusan yang telah dipilih oleh *Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dawli* yang ber-sidang di Madinah yang mengharamkan

Bai' al-Wafa' kerana termasuk dalam pinjaman yang memberi faedah dan ia adalah riba: *Bai' al-Wafa'* (Islamic Fiqh Academy, 2015).

Walaupun sebahagian ulama membenarkannya jika berlakunya persetujuan diluar aqad, (‘Alwi, t.t) namun jika melihat kepada situasi semasa, ianya adalah sukar dilaksanakan. Ini kerana dalam konteks kewangan moden, setiap perjanjian dan syarat perlu didokumenkan melalui dokumen perundangan (legal document). Ini demi memastikan kedua belah pihak memahami dan mematuhi apa yang dipersetujui bersama. Jika sesuatu syarat itu tidak diletakkan dalam dokumen perundangan maka sesuatu perjanjian itu dikira berisiko tinggi, terutama dalam konteks *Bai' al-Wafa'* ini dimana jaminan bahawa penjual akan mendapatkan semula aset mereka adalah sangat penting dalam proses pensekuritian *Bai' al-Wafa'*. Tanpa adanya jaminan melalui dokumen perundangan maka penjual tidak akan menjual aset mereka dan ini seterusnya akan menggagalkan proses sesuatu pensekuritian berdasarkan konsep *Bai' al-Wafa'* itu.

Dari segi Syariah pula, apabila syarat sebegini dimasukkan ke dalam sesuatu dokumen perundangan dan aqad maka ini adalah syarat yang bertentangan dengan kehendak aqad lantas akan menyebabkan jual beli itu terbatal. Atas dasar ini, walaupun sebahagian ulama mazhab Al-Shafi'i membenarkan *Bai' al-Wafa'*, dengan syarat tidak dibenarkan adanya pensyaratan menebus semula dalam akad namun melihat kepada sistem kewangan moden terutama dalam penerbitan sesuatu sukuk sebagai contoh, ianya mesti disyaratkan, untuk meyakinkan pelanggan, juga sebagai dokumentasi. Justeru *Bai' al-Wafa'* sebagaimana yang

diamalkan pada hari ini juga adalah bertentangan dengan apa yang dibenarkan oleh mazhab al-Al-Shafi'i dalam *Bai' al-Wafa`*.

PENUTUP

Sebenarnya banyak sekali contoh isu-isu semasa yang boleh diaplikasikan dalam konteks *Qiyas al-Shabah*. Ini menunjukkan bahawa para ulama mempunyai pelbagai instrumen hukum dalam berhadapan dengan isu-isu semasa dan setempat termasuklah *Qiyas al-Syabah*. Bagi golongan yang melihat kepada penolakan *Masalah al-Mursalah* oleh sebahagian

golongan Shafi'iyah secara zahirnya, *Qiyas al-Shabah* mampu dijadikan bukti bahawa ulama al-Syafi'iyah beramal dengan sumber tersebut melalui *Qiyas al-Syabah*. Hal ini membuktikan bahawa para fuqaha tidak menolak mana-mana instrumen hukum yang mampu menjana hukum yang lebih menepati kehendak zaman dan tempat. Justeru itu bagi mereka yang ingin memaksimumkan penggunaan qiyas dalam mendepani hukum Islam semasa dan setempat, *Qiyas al-Syabah* boleh dijadikan asas utama dalam menyelesaikan isu-isu semasa yang mencabar terutama dalam bidang kewangan Islam.

RUJUKAN

- Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI), (2007). *Piawaian syariah*, Bahrain: Manama.
- Alwi, Abdul Rahman bin Muhammad. (t.t). *Bughyatul al-Mustarshidin fi Talkhis Fatawa Ba'du al-A'immah min al-Ulama' al-Muta'akhirin*, t.t.p.
- Amidi, Ali bin Muhammad. (2003). *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, (Tahqiq: Sheikh Abdul Razak al-Afifi), 4(1). Riyadh: Dar al-Somiie lil al-Nasyr wa al-Tawzie.
- Amidi, Saifuddin Ali bin Abi Ali. (2003). *Muntaha al-Sul fi al-'Ilmi al-Usul Wa Yalihi Nihayah al-Ma'mul Mukhtasar Irshadul al-Fuhul*, 1(1). Beirut: Dar al-Kutub al- Ilmiyyah.
- Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin Musa. (1991). *Ma'rifatul al-Sunan Wa al-Athar, Abdul al-Muti Amin Qalaji*, 15(1). Kaherah: Dar al-Waie.
- Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin Musa. (2003). *Sunan Al-Kubra*, (Tahqiq: Muhammad Abdul Qadir Atha) Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Baji, Sulaiman bin Khalaf. (1995). *Ihkam al-Fusul fi Ahkam al-Usul*, (Tahqiq: 'Abdul al-Majid al-Turki) Beirut: Dar al-Gharbul al-Islami.
- Bank Islam. (2016). *Special Investment Account, General Investment Account*. Dicapai dari: <http://www.bankislam.com.my/bm/Pages/SpecialInvestmentAccountGeneralInvestmentAccount.aspx>
- Bank Negara Malaysia. (2016). *Shariah resolutions in Islamic finance*, (ed.2). Dicapai pada 1 Mac 2016 dari: [bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)
- Bannani, Abdul al-Rahman bin Jad Allah. (1982). *Hasyiyah al-Bannani ala Syarh al-Jalal Syamsuddin al-Mahalli ala Matan Jam'ul al-Jawamie lil al-Imam Tajuddin al-Subki*, 2.
- Bugho, Al-Khin, Ali Sharbaji. (2009). *Fiqh al-Manhaji 'ala al-Mazhab al-Imam al-Shaff'i*, 3(9). Damsyiq: Darul al-Qalam.
- Darul Qutni, Abu Hasan Ali bin Umar. (2001). *Sunan Darul al-Qutni*, 3(1). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Dow Jones Islamic Indexes. (2015). *Screen for Shariah Compliance*. Dicapai dari: <http://www.djindexes.com/islamicmarket/>.
- FTSE. (2015). *Shariah Global Equity Index Series*. Dicapai dari: <http://www.ftse.com/products/indices/Global-Shariah>.
- Ghazali, Muhammad bin Muhammad. (1997). *al-Mustasfa Min al-'Ilmi al-Usul*, 2(1). Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ibnu al-Muflih, Muhammad bin Muflih. (1999). *Usul al-Fiqh*, (Tahqiq: Dr Fahd bin Muhammad Sadhan), 1(1). Maktabah al-Abikan.
- Ibnu Hajar Al-Asqalani, Shihabuddin Ahmad bin Ali. (2001). *Sahih Bukhari*, (Tahqiq: Abdul Qadir Syaibah al-Hamd), 14(1). Riyad: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah, Amir Sultan Abdul Aziz, Keluarga Saud.

Ibnu Rushd, Muhammad bin Ahmad. (1982), *Bidayah al-Mujtahid Wa Nihayah al-Muqtasid*, 2, t.t. Dar al-Marifah.

Iji, Abdul al-Rahman bin Ahmad al-Iji'. (2000). *Syarhul al-Adud Mukhtasar Muntaha al-Usuli*, (1). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Investopedia. (2015). *Bank Deposit*. Dicapai dari:
<http://www.investopedia.com/terms/b/bank-deposits.asp>.

Investopedia. (2015). *Factoring*. Dicapai dari:
<http://www.investopedia.com/terms/f/factor.asp>.

Investopedia. (2015). *Legal Tender*. Dicapai pada 10 Oktober 2015 dari
<http://www.investopedia.com/terms/l/legal-tender.asp>.

Investopedia. (2015). *Public Company*. Dicapai dari:
<http://www.investopedia.com/terms/p/publiccompany.asp>

Islamic Fiqh Academy. (2005). *Al-Bai bi al-Taqsit*. Dicapai dari:
<http://www.fiqhacademy.org.sa/qarat/7-2.htm>

Islamic Fiqh Academy. (2015). *Al-Aswaq al-Maliyyah*. Dicapai dari:
<http://www.fiqhacademy.org.sa/qarat/7-1.htm>

Isnawi, Jamaluddin Abdul al-Rahim bin Hassan. (2004). *al-Tamhid fi al-Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*, (Tahqiq: Muhammad Hasan Muhammad Hassan Ismail), (1). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Isnawi, Jamaluddin Abdul Rahim bin Hassan. (1999). *Nihayat al-Sul Syarhul Minhajul al-Wusul fi al-Ilmil al-Usul*, 1. Beirut: Darul al-Kutub al- Ilmiyyah.

Jurjani, Abi al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin 'Ali al-Husaini. (2000). *al-Ta'rifat*, (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah).

Lembaga Zakat Selangor. (2015). *Zakat harta*. Dicapai dari:
<http://www.zakatselangor.com.my/jenis-jenis-zakat/zakat-harta/zakat-emas-perak/>

Mardhawi, Ali bin Sulaiman. (t.t.) *Tahbir Syarhul al-Tahrir fi Usul Al-Fiqh*, tahqiq Dr 'Abdul Rahman al-Jabirin, Riyad: Maktabah al-Rushd.

Mawardi, Ali bin Muhammad. (1995). *al-Hawi al-Kabir*, (Tahqiq: Mahmud Matraji), 18. Beirut: Dar al-Fikir.

MIFC. (2015). *GII on Murabahah concept*, dicapai dari:
http://www.mifc.com/index.php?ch=ch_kc_definitions&pg=pg_kcdf_sukuk&ac=242.

MSCI. (2015). *Islamic Indexes Methodology*. Dicapai dari:
https://www.msci.com/eqb/methodology/meth_docs/MSCI_April15_Islamic_Indexes_Methodology.pdf.

Muhammad bin Abdul Rahman al-Dimasyqi. (t.t). *Rahmatul al-Ummah fi al-Ikhtilaf al-A'immah*, (disarankan oleh Ibrahim Amin Muhammad), Kaherah: Maktabah Tawfiqiyyah.

Muhammad Rafaat Usman. (2010). *al-Zakat fi al-Amwal, Wa Ma Yattasilu Biha Min Qadaya Maliyyah Mu'asirah*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

Muhammad Taqi Uthmani. (2014). *The Sale of Debt and Commercial Papers and Their Islamic Substitutes* (translated into English) Kuala Lumpur: IBFIM.

Muhammad Usman Syabir. (t.t). *al-Takyif al-Fiqhi lil al-Waqaie al-Mustajiddah wa Tatbiqatuha al-Fiqhiyyah*, Damsiyq: Dar al-Qalam.

Mustafa Ahmad al-Zarqa`. (2012). *Aqdul al-Bai*, Damsiyq: Dar al-Qalam.

Nawawi, Yahya bin Syaraf. (t.t). *Al-Majmu' Syarhul al-Muhazzab*, disempurnakan oleh Muhammad Najib Mutie, 23. Jeddah: Maktabah Irsyad.

Qurrah Daghi, Ali Mahyuddin. (2014). *Buhuth Fi Qadaya al-Zakat al-Muasirah*, Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.

Sam'ani, Mansur bin Muhammad. (1998). *Qawati al-Adillah fi Usul al-Fiqh*, (Tahqiq: Abdullah bin Hafiz al-Hakami), 5(1). Riyadh: Maktabah Taubah.

Security Commission. (2006). *Resolution of SAC*, (2Ed). Dicapai dari:
http://www.sc.com.my/wpcontent/uploads/eng/html/icm/Resolutions_SAC_2ndedition.pdf.

Shafi'i, Muhammad bin Idris. (2001). *al-Um*, (tahqiq: Rifaat Fauzi Abdul Mutallib, 11. Mansurah: Dar al-Wafa`.

Sharbini, Muhammad bin Muhammad. (1997). *al-Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifati Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, 6. Beirut: Dar al-Marifah.

Shirazi, Ibrahim bin Ali. (1995). *al-Luma' fi al-Usul al-Fiqh*, (1). Beirut: Dar Ibnu Kathir.

Shirazi, Ibrahim bin Ali. (1996). *al-Muhazzab*, (Tahqiq Dr Muhammad Zuhaili), 1. Damsiyq: Dar al-Qalam.

Wikipedia. (2015). *Factoring*. Dicapai dari:
http://en.wikipedia.org/wiki/Factoring_%28finance%29.

Wikipedia. (2015). *Legal Tender*. Dicapai dari:
https://en.wikipedia.org/wiki/Legal_tender

Yusuf Al-Qardhawi. (2001). *Fiqh al-Zakat, Dirasah Muqaranah Li Ahkamuha Wa Falsafatuha Fi Daw'i al-Qur'an Wa al-Sunnah*, 2(1). Beirut: Muassasah al-Risalah.

Zanjani, Mahmud bin Ahmad. (1982). *Takhrij al-Furu ala al-Usul*, (Tahqiq: Dr Muhammad Adib Saleh), Beirut: Muassasah al-Risalah, 1982.

Zarkasyi, Badruddin bin Muhammad Bahadur. (1992). *al-Bahrul al-Muhit fi al-Usul al-Fiqh*, ed. Dr Abdul Sattar Abu Ghuddah), 5 (2). Kuwait: Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam.

Received Date: 9th November 2015

Acceptance Date: 4th May 2016